



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

PENAFIAN DOKUMEN PALSU MELIBATKAN NAMA MENTERI DAN KEMENTERIAN KERJA RAYA

KUALA LUMPUR – Saya merujuk kepada penyebaran surat bertarikh 28 Julai 2025 yang didakwa dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dan ditandatangani atas nama saya, berkaitan “gratuity payment” kepada seorang individu.

Saya menegaskan bahawa surat tersebut adalah palsu dan tidak pernah dikeluarkan oleh pihak KKR mahupun pihak saya sebagai Menteri di kementerian ini.

Kementerian tidak pernah mengeluarkan sebarang jemputan rasmi bagi majlis penyerahan bayaran gratuity sedemikian.

Sehubungan itu, saya menasihatkan orang ramai agar tidak terpedaya dengan dokumen seumpama ini yang jelas mempunyai unsur penipuan dan penyamaran.

Kementerian telah mengambil maklum perkara ini dan sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan lanjut.

Sekiranya terdapat sebarang keraguan mengenai ketulenan dokumen atau komunikasi yang didakwa dikeluarkan oleh KKR, orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi terus saluran rasmi Kementerian melalui laman web www.kkr.gov.my atau talian rasmi KKR.

Keselamatan dan ketelusan dalam urusan pentadbiran adalah keutamaan kami.

#Tamat#

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA
4 OGOS 2025

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#KerajaanMADANI

#MADAN Ibekerja